

Bajet 2011 positif untuk keyakinan pengguna dan ekonomi

KUALA LUMPUR: Ireka Development Management Sdn Bhd menyifatkan Bajet 2011 sebagai mesra rakyat yang pastinya positif untuk keyakinan pengguna dan ekonomi.

Ketua Pegawai Operasinya Lim Ech Chan berkata langkah untuk membangunkan bandar baru dapat meningkatkan pasaran modal

akan mewujudkan kesan limpahan untuk pasaran hartanah. Unjuran pertumbuhan tujuh peratus dan pengukuhan ringgit juga membantu menarik pelaburan asing, katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

"Kami gembira kerana tidak terdapat dasar utama yang diumumkan, menjelaskan keyakinan pembeli dan

pelabur.

"Semua pembangunan utama baharu akan merangsang ekonomi dan menyediakan peluang yang luas," katanya.

Lim bagaimanapun berkata pelaksanaan projek-projek besar seperti Warisan Merdeka dan Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur perlu ditetapkan dan dirancang secara berhati-hati.

Ini untuk memastikan infrastruktur yang lebih luas akan dapat menyokong pelbagai projek besar yang akan dilaksanakan.

"Projek yang kami percaya ditunggu-tunggu oleh rakyat ialah pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh," katanya. -- Bernama